

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb November 1991 dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1992 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1)—
 - (a) perenggan 2(a) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 27hb Oktober 1990;
 - (b) perenggan 2(d), 25(a) dan 25(c), subperenggan 25(b)(i) dan seksyen 21, 23, 24, 26 dan 27 hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1993 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya;
 - (c) seksyen 14 hendaklah berkuatkuasa hanya berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1hb Januari 1994;

- (d) perenggan 1 (a) dan 17(b) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1986 dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun-tahun taksiran 1987 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya; dan
- (e) seksyen 19, 20 dan 22 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 327

2. Subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 4" dalam takrif "aktiviti digalakkan", perkataan "dan termasuk aktiviti yang disebut dalam seksyen 4A";
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 4" dalam takrif "keluaran digalakkan", perkataan "dan termasuk keluaran yang disebut dalam seksyen 4A";
- (c) dengan menggantikan perkataan "Menteri Perdagangan dan Perindustrian" dalam takrif "Menteri" dengan perkataan "Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri"; dan
- (d) dengan memotong takrif "program kerajaan terdaftar".

Pindaan
seksyen 4.

3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas koma bernoktah dalam perenggan (3)(a), perkataan "atau";
- (b) dengan menggantikan perkataan "; atau" yang terdapat di akhir subperenggan (3)(b)(ii) dengan noktah ; dan
- (c) dengan memotong perenggan (3)(c)

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 4, seksyen baru 4A yang berikut: Seksyen baru 4A.

"Aktiviti atau keluaran yang disiratkan aktiviti digalakkan 4A. Walau apa pun seksyen 4, Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh berdasarkan kes ke kes menyifatkan apa-apa aktiviti atau keluaran yang mempunyai penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia sebagai suatu aktiviti digaiakkan atau keluaran digalakkan."

5. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 5.

(a) dengan memasukkan, selepas subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat, dan yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti atau hendak menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, bolehlah membuat permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis, atau meminta supaya diberikan taraf perintis apabila syarikat yang dicadangkan itu telah didaftarkan, berhubungan dengan aktiviti atau keluaran itu dan juga kilang itu.”; dan

(b) dengan memasukkan, selepas nombor subseksyen “(1)” dalam subseksyen (2), perkataan "atau (1A)”.

6. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 6.

(a) dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 5" dalam subseksyen 6(1), nombor subseksyen “(1)”;

(b) dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 5" dalam subseksyen 6(1A), nombor subseksyen “(1)”;

- (c) dengan memasukkan, selepas subseksyen (1A), subseksyen baru (1AB) yang berikut:

“(1AB) Apabila diterima sesuatu permohonan di bawah seksyen 5(1A) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4A.”; dan

- (d) dengan menggantikan perkataan “keputusan untuk memberikan taraf perintis di bawah subseksyen (1A)” dalam perenggan (3)(a) dengan perkataan “pemberian taraf perintis di bawah subseksyen (1A) atau (1AB)”.

Pindaan
seksyen 14A.

7. Subseksyen 14A(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Menteri boleh" dengan perkataan "Tertakluk kepada seksyen 14B, Menteri boleh"; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan “pengilangan” dalam baris 5, perkataan "atau suatu aktiviti yang berhubungan dengan pemerosesan air".

Seksyen baru
14B dan 14c.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 14A, seksyen baru 14B dan 14c yang berikut:

* Tiada per-
lanjutan
tempoh
pelepasan
cukai
untuk per-
mohonan
bagi taraf
perintis
yang di-
terima
pada atau
selepas 1hb
November
1991.

14B. Seksyen 14A tidaklah terpakai bagi suatu syarikat perintis yang permohonan bagi taraf perintis diterima pada atau selepas 1hb November 1991.

Perlanjutan tempoh pelepasan cukai bagi taraf perintis yang diberikan di bawah seksyen 6(1AB).

14c. (1) Walau apa pun seksyen 14B, suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6 (1AB) boleh memohon secara bertulis bagi suatu perlanjutan tempoh pelepasan cukai yang telah diberikan di bawah seksyen 14.

(2) Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan boleh melanjutkan tempoh pelepasan cukai yang diberikan di bawah seksyen 14.

(3) Subseksyen (3) hingga (7) seksyen HA berhubungan dengan suatu perlanjutan tempoh pelepasan cukai hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1).”.

9. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 21.

(a) dengan menggantikan perkataan “tempoh asas” dalam perenggan (1)(b) dengan perkataan “tahun taksiran”; dan

(b) dengan memasukkan, selepas subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

“(5) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi—

(a) suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis sebelum 1hb November 1991 menurut suatu permohonan bagi taraf perintis yang diterima sebelum 1hb November 1991; dan

(b) suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis pada atau selepas 1hb November 1991 tetapi permohonannya bagi taraf perintis telah diterima sebelum 1hb November 1991.”.

Seksyen baru
21B dan 21c.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 21A, seksyen baru 21B dan 21c yang berikut:

“Peng-
hitungan
pendapatan
semasa
tempoh
pelepasan
cukai ber-
kenaan
dengan
permohonan
yang di-
terima
pada atau
selepas 1hb
November
1991.
21B. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis menurut suatu permohonan bagi taraf perintis yang diterima pada atau selepas 1hb November 1991 selain daripada suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6(1AB).

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan
- (b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia adalah pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu.

(3) Tujuh puluh peratus daripada amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada—

- (a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan
- (b) apa-apa pengurangan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut seksyen 25(2).

(4) Bagi maksud-maksud Akta ibu, tiga puluh peratus daripada amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pendapatan menyeluruh atau sebahagian daripada pendapatan menyeluruh, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu syarikat perintis bagi tahun taksiran yang relevan itu.

(5) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya disampaikan kepada syarikat itu suatu penyata yang menunjukkan amaun yang didapati di bawah subseksyen (3).

(6) Bagi maksud-maksud seksyen 97 dan 99 Akta ibu, suatu penyata yang disampaikan di bawah subseksyen (5) hendaklah disifatkan sebagai suatu notis taksiran yang disampaikan di bawah Akta ibu (yang bukannya notis berhubungan dengan taksiran yang dibuat di bawah seksyen 92 Akta ibu).

Peng-
hitungan
pendapatan
semasa
lempoh
pelepasan
cukai
berkenaan
dengan
taraf
perintis
yang
diberikan
di bawah
seksyen
6(1AB).

21c. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6(1AB).

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan

(b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia adalah pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu.

(3) Amaun pendapatan syarikat yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada—

(a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan

(b) apa-apa pengurangan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut seksyen 25(2).

(4) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya disampaikan kepada syarikat itu suatu penyata yang menunjukkan amaun yang didapati di bawah subseksyen (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen 97 dan 99 Akta ibu, suatu penyata yang disampaikan di bawah subseksyen (4) hendaklah disifatkan sebagai suatu notis taksiran yang disampaikan di bawah Akta ibu (yang bukannya notis berhubung dengan taksiran yang dibuat di bawah seksyen 92 Akta ibu).”.

Pindaan
seksyen 22.

11. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 21" dalam subseksyen (1) dan (2) masing-masingnya, perkataan “, 21B atau 21c”.

Pindaan
seksyen 25.

12. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 21(1)" dalam subseksyen (1) dan perenggan (2)(b) masing-masingnya, perkataan “, 21B(2) atau 21c(2)”.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 26, seksyen baru 26A yang berikut: Seksyen baru 26A.

“Per-
mohonan
untuk men-
dapat kelu-
lusan bagi
elaun cukai
pelaburan
berkenaan
dengan
suatu
aktiviti
atau suatu
keluaran
yang di-
sifatkan di
bawah sek-
syen 4A
sebagai
aktiviti di-
galakkan
atau
keluaran
digalakkan.

26A. (1) Mana-mana syarikat yang bercadang hendak menubuhkan atau menyertai dalam sesuatu aktiviti atau hendak menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran di Malaysia yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud-maksud suatu elaun cukai pelaburan.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.”

14. Perenggan (ii) proviso kepada subseksyen 27(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima tahun" dengan perkataan "tiga tahun". Pindaan seksyen 27.

15. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 27, seksyen baru 27A yang berikut: Seksyen baru 27A

“Pemberian
kelulusan
permohonan
bagi elaun
cukai
pelaburan
yang
dibuat di
bawah
seksyen
26A(1).

27A. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26A(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa

- (i) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam mengeluarkan suatu keluaran, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubungan dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, mengikut mana-mana yang

berkenaan, di bawah seksyen 4A, maka kelulusan itu boleh diberikan dengan kuatkuasa kebelakangan dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti atau dalam mengeluarkan keluaran itu, atau perbelanjaan modal telah dilakukan berhubungannya itu; dan

- (ii) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuatkuasa kebelakangan di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah seksyen 26A(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.”.

Pindaan
seksyen 28

16. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan, selepas nombor "27", perkataan "atau 27A”;
- (ii) dengan memasukkan, selepas nombor “27(2)”, nombor “, 27A(1), 27A(2)”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan, selepas nombor “27(1)”, perkataan "atau 27A(1)”; dan
- (ii) dengan memasukkan, selepas nombor “27(2)” dalam perenggan (b), nombor “, 27A(1), 27A(2)”.

17. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 29.

- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan “perniagaan syarikat itu” dalam subseksyen (4), perkataan “berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan”;
- (b) dengan memasukkan, selepas perkataan "perniagaan syarikat itu" dalam subseksyen (5), perkataan "berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas subseksyen (8), subseksyen baru (9) yang berikut :

"(9) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 sebelum 1hb November 1991; dan
- (b) suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 pada atau selepas 1hb November 1991 tetapi permohonannya di bawah seksyen 26 telah diterima sebelum 1hb November 1991.”.

18. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 29, seksyen baru 29A dan 29B yang berikut:

Seksyen baru
29A dan 29B.

“Elaun cukai pelaburan berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1hb November 1991.

29A. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud-maksud elaun cukai pelaburan menurut suatu permohonan yang diterima pada atau selepas 1hb November 1991 selain daripada syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud-maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27A.

(2) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 telah melakukan, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud-maksud aktiviti digalakkan atau

keluaran digalakkan itu, maka hendaklah diberikan kepada syarikat bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) tertakluk kepada subseksyen (6), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa;
- (c) tertakluk kepada subseksyen (4), hendaklah diberikan berkenaan dengan aktiviti pengilangan dalam aktiviti pertanian bersepadu bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun yang satu lagi dari tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri, iaitu tarikh dalam atau selepas tempoh yang disebutkan dalam subseksyen (3)(b); dan
- (d) hendaklah, dalam hal penyerahan balik kelulusan di bawah seksyen 27(4), diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa sehingga tarikh penyerahan balik:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa yang disebut dalam subseksyen (3)(b) berhubungan dengan

suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, maka perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu; dan

- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 27 dan jika kelulusan di bawah seksyen 27 diberikan dengan kuatkuasa kebelakangan dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh permohonan itu dibuat, maka elaun di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk kepada subseksyen (6), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan itu.

(4) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 berkenaan dengan aktiviti pertanian bersepadu, syarikat itu hendaklah, dalam tempoh enam tahun dari tarikh kelulusan itu, memberi kepada Menteri apa-apa butir yang ditetapkan bagi maksud-maksud menentukan tarikh di bawah subseksyen (3)(c).

(5) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (2) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori daripada perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti

digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(6) Jika, oleh sebab proviso kepada subseksyen (5), tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau elaun-elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubungan dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (2), (3) dan (5), sekian banyak daripada elaun atau elaun-elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehinggalah syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun atau elaun-elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu:

Dengan syarat bahawa elaun atau elaun-elaun yang berbangkit di bawah subseksyen ini hendaklah diberikan hanya selepas pengurangan pendapatan statutori, jika ada, yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen 36.

(7) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (5), maka seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22.

(8) Peruntukan-peruntukan subseksyen (7) dan (8) seksyen 29 berhubungan dengan perbelanjaan modal hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud-maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26A yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A.

29B, (1) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A telah melakukan, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan suatu keluaran yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud-maksud aktiviti itu atau pengeluaran keluaran itu, hendaklah diberikan kepada syarikat bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)

(a) tertakluk kepada subseksyen (4) dan (5), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;

(b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa—

(i) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa

berhubungan dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan keluaran itu, maka perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu ; dan

- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26A dan jika kelulusan di bawah seksyen 27A diberikan dengan kekuatan kebelakangan dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh permohonan itu dibuat, maka elaun di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk kepada subseksyen (4), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan aktiviti atau mengeluarkan keluaran itu yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5) jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan aktiviti atau mengeluarkan keluaran itu yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau elaun-elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubungan dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun atau elaun-elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehinggalah syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun atau elaun-elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika sesuatu syarikat gagal mematuhi apa-apa terma atau syarat di bawah seksyen 27A di akhir lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa, subseksyen (4) tidaklah terpakai bagi elaun atau elaun-elaun yang pelaksanaannya tidak diberikan di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran yang tempoh asasnya termasuklah hari terakhir tempoh itu di bawah subseksyen (2)(b).

(6) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22.

(7) Bagi maksud-maksud seksyen ini dan tertakluk kepada subseksyen (8) istilah "perbelanjaan modal" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen (7) seksyen 29 dan hendaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan aset-aset yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), "perbelanjaan modal" tidaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan mengenai bangunan-bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan pekerjaan".

Pmdaan
seksyen 32.

19. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (5) dengan yang berikut:

"(5) Seksyen ini tidaklah terpakai—

- (a) bagi sesuatu syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran; atau
- (b) bagi sesuatu syarikat jika pendapatan syarikat itu diperolehi daripada operasi suatu kilang dalam kawasan industri digalakkan dan kilang tersebut telah memulakan operasinya pada atau selepas 1hb Januari 1992."

Pmdaan
seksyen 33.

20. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

"(5) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi sesuatu syarikat kecil-kecilan yang memulakan perniagaan mengilang keluaran di Malaysia pada atau selepas 1hb Januari 1992."

29B(2) berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan suatu keluaran yang baginya syarikat itu telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A.”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Amaun pendapatan statutori yang hendak dikurangkan di bawah subseksyen (1) hendaklah amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada jualan eksport atas jumlah jualan:

Dengan syarat bahawa jika tempoh asas suatu syarikat bagi tahun taksiran 1993 termasuklah suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1992, amaun yang hendak dikurangkan hendaklah jumlah—

- (a) suatu amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan larasan kadar yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada jualan eksport dalam tempoh sebelum 1hb Januari 1992 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas ; dan
- (b) suatu amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada jualan eksport dalam tempoh selepas 31hb Disember 1991 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas.”;

- (d) dengan memotong perenggan (4)(a); dan

- (e) dengan memotong takrif "bahan-bahan Malaysia yang asli" dalam subseksyen (5).

21. Akta ibu adalah dipinda dengan mernotong seksyen 33A. Pemotongan seksyen 33A.
22. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 34.
- "(4) Seksyen ini hendaklah terpakai—
- (a) bagi sesuatu syarikat yang telah mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal atau pekerjaan dalam industri dari 1hb Januari 1986 hingga 31hb Disember 1991; dan
- (b) bagi sesuatu syarikat yang telah diberikan pengurangan pendapatan larasan di bawah subseksyen (1) sebelum 1hb Januari 1992."
23. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “, 33A” dalam subseksyen (1). Pindaan seksyen 35.
24. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Larasan” dalam kepala kepada Bab 4 dengan perkataan “Statutori”. Pindaan kepala kepada Bab 4.
25. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 36.
- (a) dengan menggantikan perkataan "larasan" dalam nota birai dengan perkataan “statutori”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “larasan” dengan perkataan "statutori”;
- (ii) dengan memasukkan, selepas nombor "29(2)" dalam perenggan (b) proviso, perkataan “atau 29A(3)”;
- (iii) dengan menggantikan noktah yang terdapat di akhir perenggan (b) proviso dengan koma bernoktah; dan
- (iv) dengan memasukkan, selepas perenggan (b) proviso, perenggan baru (c) yang berikut:
- “(c) bagi tempoh yang ditetapkan di bawah perenggan (b) seksyen

26. Seksyen 36A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “larasan” di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "statutori". Pindaan seksyen 36A.
27. Subseksyen 37(1) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 37.
- (a) dengan menggantikan perkataan “larasan” dengan perkataan "statutori"; dan
 - (b) dengan memotong perkataan "bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu".
28. Subseksyen 39(1) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 39.
- (a) dengan memasukkan, selepas nombor "29(2)" dalam perenggan (b) proviso, perkataan “atau 29A(3)”; dan
 - (b) dengan menggantikan noktah yang terdapat di akhir perenggan (b) proviso dengan koma bernoktah; dan
 - (c) dengan memasukkan, selepas perenggan (b) proviso, perenggan baru (c) yang berikut:
 - “(c) bagi tempoh yang ditetapkan di bawah perenggan (b) seksyen 29B(2) berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan suatu keluaran yang baginya syarikat itu telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A.”.
29. Seksyen 43A Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 43A.
- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 27" dalam subseksyen (1) dan (3), perkataan "atau 27A"; dan
 - (b) dengan memasukkan, selepas nombor "29(2)" dalam subseksyen (1), perkataan "atau 29A(3) atau perenggan (b) seksyen 29B(2), mengikut mana-mana yang berkenaan".

Pindaan
seksyen 50B

30. Seksyen 50B Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "pengurangan pendapatan larasan" dalam subseksyen (1), (2) dan (4) masing-masingnya, perkataan "atau pendapatan statutori, mengikut mana-mana yang berkenaan,".

HURAIAN

Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993 yang dicadangkan (kemudian daripada ini disebut "Akta") bertujuan meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan memasukkan peruntukan-peruntukan baru tertentu dan meminda peruntukan-peruntukan tertentu yang sedia ada.

2. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan bagi perkara-perkara permulaan dan menyatakan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya berbagai seksyen Akta.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 2(1). Takrif perkataan "Menteri" adalah dipinda supaya ia merujuk kepada "Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri" mengikut pertukaran nama Kementerian tersebut. Takrif "aktiviti digalakkan" dan "keluaran digalakkan" telah dipinda masing-masingnya untuk memasukkan aktiviti atau keluaran yang disebut dalam seksyen baru 4A. Takrif "program kerajaan terdaftar" adalah dipotong berikutan pemansuhan insentif di bawah seksyen 33A.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 4 dengan memotong perenggan (3)(c) kerana ia tidak lagi diperlukan berikutan peruntukan seksyen baru 4A.

5. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 4A yang menurutnya Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan boleh menyifatkan apa-apa aktiviti atau keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 5 dengan memasukkan subseksyen baru (1A). Subseksyen baru ini berhubungan dengan permohonan bagi taraf perintis oleh mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat dan yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti atau hendak menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 6 untuk membuat beberapa pindaan yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 5. Pada masa yang sama ia bertujuan memasukkan subseksyen baru 6(1AB) untuk membuat peruntukan bagi pemberian taraf perintis kepada suatu syarikat atau orang yang menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti atau menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran yang layak menjadi suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 4A.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda subseksyen 14A(1) supaya ia tertakluk kepada seksyen baru 14B yang dicadangkan. Ia juga bertujuan memperluaskan pemakaian seksyen itu bagi merangkumi bukan sahaja aktiviti pengilangan tetapi juga suatu aktiviti yang berhubungan dengan pemerosesan air.

9. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 14B dan 14c. Seksyen 14B menghadkan pemakaian seksyen 14A hanya kepada suatu syarikat yang permohonannya bagi taraf perintis telah diterima sebelum 1hb November 1991. Ini bermakna bahawa perlanjutan tempoh pelepasan cukai tidak akan diberikan kepada mana-mana syarikat yang permohonannya bagi taraf perintis diterima pada atau selepas 1hb November 1991. Walau apa pun, seksyen 14c, walau bagaimanapun, membenarkan perlanjutan tempoh pelepasan cukai kepada suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AB).

10. *Fasal 9* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada perenggan (1)(b) seksyen 21. Ia juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 21(5) bagi memperuntukkan bahawa seksyen 21, berhubungan dengan penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai, hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis sebelum 1hb November 1991 menurut suatu permohonan yang diterima sebelum 1hb November 1991. Seksyen 21 yang sama hendaklah juga terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis pada atau selepas 1hb November 1991 tetapi yang permohonannya bagi taraf perintis telah diterima sebelum 1hb November 1991.

11. *Fasal 10* bertujuan memasukkan seksyen baru 21B dan 21c. Di bawah seksyen baru 21B suatu syarikat yang memohon untuk dan diberikan taraf perintis pada atau selepas 1hb November 1991 tidaklah lagi terkecuali daripada cukai atas kesemua keuntungannya. Syarikat itu kini dikehendaki membayar cukai atas tiga puluh peratus daripada pendapatan statutorinya. Seksyen baru 21c, sebaliknya pula, memperuntukkan mengenai penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AB). Syarikat tersebut akan menikmati pengecualian cukai seratus peratus atas kesemua pendapatannya.

12. *Fasal 11* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 22.

13. *Fasal 12* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 25.

14. *Fasal 13* bertujuan memasukkan seksyen baru 26A untuk membolehkan mana-mana syarikat yang berniat untuk **menubuhkan** atau **menyertai dalam** suatu aktiviti atau untuk menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia untuk memohon bagi **mendapatkan** elaun cukai **pelaburan**.

15. *asal 14* bertujuan meminda perenggan (ii) proviso kepada subseksyen 27(1) untuk menghadkan tarikh kebelakangan **elaun cukai pelaburan** kepada hanya tiga tahun dari tarikh **permohonan** di bawah subseksyen 26(1) diterima oleh Menteri dan bukan sehingga lima tahun seperti yang dibenarkan pada masa kini.

16. *Fasal 15* bertujuan **memasukkan** seksyen baru 27A yang membenarkan Menteri **memberikan kelulusan berkenaan** dengan suatu permohonan bagi mendapatkan elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen baru 26A(1).

17. *Fasal 16* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 28.

18. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 29 untuk menjelaskan bahawa **elaun** cukai pelaburan yang diberikan di bawah seksyen itu berhubungan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang berkenaan. Ia juga bertujuan menghadkan pemakaian seksyen itu bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 sebelum 1hb November 1991 dan suatu syarikat yang permohonannya di bawah seksyen 26 telah diterima sebelum 1hb November 1991 tetapi yang **diberikan kelulusan** di bawah seksyen 27 pada atau selepas 1hb November 1991.

19. *Fasal 18* bertujuan memasukkan seksyen baru 29A dan 29B. Di bawah seksyen 29A, sesuatu syarikat yang memohon bagi mendapatkan **elaun** cukai pelaburan dan diberikan elaun itu pada atau selepas 1hb November 1991 akan diberikan suatu elaun sebanyak enam puluh peratus atas perbelanjaan modal yang dilakukan. (Di bawah subseksyen 29(1) yang sedia ada **elaun** maksimum semasa adalah seratus peratus daripada **perbelanjaan** modal.) Proviso kepada subseksyen baru 29A(5) memperuntukkan bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi tahun taksiran itu. Apa-apa elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan ke tahun-tahun kemudiannya. Seksyen 29B, sebaliknya **pula**, memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat yang telah diberikan

kelulusan di bawah seksyen 27A, akan diberikan suatu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang dilakukan.

20. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 32 dengan memasukkan perenggan (5)(b) baru bagi memperuntukkan bahawa pendapatan suatu syarikat yang diperolehi daripada operasi suatu kilang dalam kawasan industri digalakkan jika kilang tersebut telah memulakan operasinya pada atau selepas 1hb Januari 1992 tidak akan diberikan apa-apa pengurangan.

21. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 33 dengan memasukkan subseksyen baru (5) bagi memperuntukkan bahawa seksyen itu, yang memperuntukkan bagi pengurangan pendapatan larasan bagi syarikat kecil-kecilan, tidaklah terpakai bagi syarikat kecil-kecilan yang memulakan perniagaan pengilangan keluaran di Malaysia pada atau selepas 1hb Januari 1992.

22. *Fasal 21* bertujuan memotong seksyen 33A kerana insentif pengurangan pendapatan larasan bagi pembeli-pembeli daripada syarikat-syarikat kecil-kecilan tidak akan diberikan lagi.

23. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 34 dengan menghadkan pemakaian seksyen itu bukan sahaja bagi suatu syarikat yang telah mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal atau pekerjaan dalam industri tetapi juga bagi suatu syarikat yang telah diberikan pengurangan pendapatan larasan di bawah subseksyen (1) sebelum 1hb Januari 1992. Ini bermakna bahawa hanya syarikat-syarikat yang termasuk dalam bidang perenggan 34(4)(a) dan (b) akan diberikan insentif pengurangan pendapatan larasan berkenaan dengan perniagaan mereka.

24. *Fasal 23* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 35.

25. *Fasal 24* bertujuan meminda kepala kepada Bab 4 dengan menggantikan perkataan "Larasan" dengan perkataan "Statutori".

26. *Fasal 25* bertujuan meminda subseksyen 36(1) dan nota birai kepada seksyen itu dengan menggantikan perkataan "larasan" dengan perkataan "statutori". Ini bermakna bahawa dari tahun taksiran 1993, pengurangan bagi pencapaian eksport akan dikenakan kepada pendapatan statutori syarikat itu dan bukannya kepada pendapatan larasan. Pindaan kepada subseksyen 36(2) memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan statutori yang hendak dikurangkan. Ini ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada jualan eksport atas jumlah jualan. Walau bagaimanapun, jika tempoh asas suatu syarikat bagi tahun taksiran 1993 termasuklah suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1992, maka

amaun yang hendak dikurangkan hendaklah jumlah amaun yang dinyatakan dalam perenggan 36(2)(a) dan (b), iaitu, jumlah amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan laran kadar yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada jualan eksport dalam tempoh sebelum 1hb Januari 1992 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas dan amaun yang ditentukan dengan mengenakan atas pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada jualan eksport dalam tempoh selepas 31hb Disember 1991 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas. Pindaan kepada perenggan 36(4)(a) dan subseksyen 36(5) bertujuan memansuhkan pengurangan sebanyak lima peratus yang diberi bagi kegunaan bahan-bahan asli.

27. *Fasal 26* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 36A.

28. *Fasal 27* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 37.

29. *Fasal 28* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 39. Ia juga bertujuan memasukkan perenggan baru (c) kepada proviso subseksyen (1). Ini adalah untuk memperuntukkan bahawa subseksyen 39(1) tidaklah terpakai bagi tempoh yang ditentukan di bawah perenggan 29B(2)(b) berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan suatu keluaran yang baginya syarikat itu telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A.

30. *Fasal 29* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 43A.

31. *Fasal 30* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 50B.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1761.]